

LINDUNGI SEGERA PENGGUNA

BNPL SASAR 'SHOPAHOLIC'?

Kuala Lumpur

Tertarik dengan tawaran 'bayaran ansuran tanpa faedah' yang disediakan oleh sebuah pasaran dalam talian 'Beli Sekarang Bayar Kemudian' (BNPL), membuatkan Ahmad yang menghadapi ke-**ngangan kewangan, mem-**faatkannya tanpa berfikir panjang.

Menganggap kaedah itu sebagai yang terbaik untuk dia mendapatkan barangan keperluan rumah tangga yang didirikannya pada 2020, pereka grafik berusia 24 tahun tersebut "memborong" sebuah mesin basuh yang dilengkapi sistem pengering berharga RM3,000 dan peti sejuk berharga RM1,800 pada tahun lepas.

"Semasa survei harga dengan isteri melalui satu aplikasi e-dagang, ada jumpa barang yang dimahukan, tetapi biasanya tempoh penghantaran barang memakan masa lama.

"Jadi, saya cuba lagi survei sehinggalah terjumpa satu iklan di Instagram mengenai BNPL dan apa yang menjadikan kami tertarik adalah ayat yang digunakan, 'bayaran ansuran tanpa faedah', membuatkan kami terus membeli barang tersebut tanpa berfikir panjang," kongsinya kepada Bernama.

Pada awalnya, pasangan itu yang mempunyai pen-

dapatan isi rumah RM5,000 sebulan, tidak mempunyai masalah membayar ansuran bulanan peti sejuk dan mesin basuh, masing-masing sebanyak RM450 dan RM250.

Malah, bayaran peti sejuk sudahpun dilunaskan pada September tahun lalu. Namun, komitmen kewangan pasangan itu bertambah susulan kelahiran bayi sulung mereka pada Februari lalu.

Masih terikat bayaran ansuran peti sejuk, Ahmad mengakui dia kini berasa terbeban disebabkan ada perbelanjaan luar jangka mem-babitkan si kecil yang kerap sakit.

Ujarnya, sekalipun jumlah RM250 itu tidak sebesar mana, peningkatan perbelanjaan keluarga, khususnya melibatkan anak, menyebabkan beban bayaran ansuran tersebut amat dirasakan, lebih-lebih lagi komitmen tersebut adalah selama 12 bulan.

Bagi menampung keperluan kewangan, Ahmad berkata dia kini turut melakukan kerja sampingan sebagai penunggang e-hailing.

Namun pada masa sama, dia tidak menolak kemungkinan akan terus memanfaatkan BNPL pada masa akan datang sekiranya ada keperluan yang mendesak.

Bagi Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), situasi yang



Bank Negara Malaysia (BNM) perlu mempercepat penggubalan CCA supaya kesemua akta berkaitan sistem pembiayaan kewangan seperti akta kredit, akta sewa beli dan akta peminjam wang dapat dikawal selia"

Mohd Yusof

dialami Ahmad itu tidak boleh dipandang enteng dan mereka mahu pihak wajib menyegerakan penggubalan Akta Kredit Pengguna (CCA) yang akan turut merangkumi BNPL.

Penggubalan CCA yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada suku kedua 2023, adalah tepat pada masanya demi menjamin kestabilan kewangan pengguna.

Mengulas mengenainya, Timbalan Presiden Fomca Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, disebabkan BNPL masih belum dikawal selia oleh pihak berkuasa, sistem itu terdedah kepada manipulasi kadar faedah oleh penyedia perkhidmatan.

BNPL membolehkan pelanggan membuat bayaran secara ansuran tanpa faedah, bagaimanapun, terdapat caj lain yang boleh dikenakan kepada pelanggan seperti fi pemprosesan dan fi pembayaran lewat.

Dalam sesetengah kes, jumlah caj yang dikenakan oleh penyedia BNPL kepada pelanggan mungkin lebih tinggi berbanding jumlah faedah dan caj yang



dikenakan oleh pemberi pinjaman konvensional.

"Bank Negara Malaysia (BNM) perlu mempercepat penggubalan CCA supaya kesemua akta berkaitan sistem pembiayaan kewangan seperti akta kredit, akta sewa beli dan akta peminjam wang dapat dikawal selia.

"Buat masa ini, mereka yang terlibat dalam akta sewa beli ini sahaja dikawal selia oleh bank tetapi bagi skim-skim lain seperti BNPL yang ditawarkan kepada pengguna, tidak dikawal selia oleh mana-mana akta," katanya.

Lebih membimbangkan, BNPL tidak mengenakan syarat ketat, sekali gus membolehkan sesiapa sahaja berhutang tanpa had.

Katanya, BNPL juga dilihat menjadi pilihan pasangan muda yang baru berkahwin, terutama selepas pandemik, bagi mendapatkan kelengkapan rumah seperti televisyen, mesin basuh dan peti sejuk.

"Golongan muda atau keluarga muda menggunakan BNPL disebabkan mereka ba-

ru bekerja dan pendapatan tidak mencukupi untuk membeli barang-barang keperluan seperti perkakas elektrik, telefon bimbit, sofa dan meja makan.

"Yang dibimbangi ialah jika pengguna gagal menguruskan kewangan dengan baik, ada kemungkinan mereka akan dikenakan denda atau barangan tersebut ditarik balik," kata Mohd Yusof.

Selain pasangan muda, BNPL juga berpotensi disalah guna oleh golongan 'shopaholic' untuk memenuhi kehendak mereka walaupun kewangan tidak mengizinkan, sekali gus meningkatkan risiko mereka terjatuh dalam hutang yang banyak.

Pakar Psikologi Kaunseling Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) Prof Datuk Dr Mohamed Fadzil Che Din berkata, skim BNPL sememangnya mampu mempengaruhi 'shopaholic' memandangkan golongan berkenaan mempunyai keinginan untuk berbelanja yang tinggi.

"BNPL merupakan antara cara pemasaran yang digunakan penjual bagi meningkatkan jualan kerana mereka akan menggunakan 1,001 cara bagi mempengaruhi pembeli terutamanya 'shopaholic'.

"Ini kerana strategi pemasaran tersebut secara tidak

langsung meningkatkan keinginan 'shopaholic' untuk membeli walaupun kewangan dan kredit mereka ada masalah," katanya kepada Bernama.

Ujar beliau, lebih parah lagi strategi bayaran ansuran tanpa faedah yang ditawarkan BNPL boleh meningkatkan kecenderungan golongan yang "ketagih" membeli-belah itu berbelanja sewenang-wenangnya.

"Yang kita bimbangkan ialah golongan ini bukan membeli barangan keperluan sebaliknya lebih kepada kehendak disebabkan ingin mengikut trend dan tidak mahu dilabelkan sebagai ketinggalan.

"Disebabkan itu, setiap kali produk baharu dikeluarkan, mereka sanggup beratur 24 jam dan sebagainya hanya semata-mata untuk mendapatkan barangan diinginkan walaupun bukan satu keperluan," katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, tidak salah untuk seseorang memanfaatkan BNPL asalkan mereka dilengkapi pengetahuan dan pengurusan kewangan yang baik.

"Tak salah menggunakan BNPL tetapi jangan terlampau seronok sehingga kita berbelanja besar membeli barangan kehendak

berbanding keperluan," katanya.



BARANGAN elektrik antara produk popular ditawarkan oleh BNPL.